

## **Kesan latihan strategi kaunseling adaptasi Motivational interviewing (ami) terhadap kaunselor Pelatih**

### **ABSTRACT**

Kajian Motivational Interviewing secara berterusan telah menunjukkan hasil yang positif dalam pelbagai seting dan populasi tetapi tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada latihan kaunselor dalam konteks budaya berbeza. Kajian eksperimen-kuasi ini bertujuan untuk melihat kesan latihan strategi kaunseling Adaptasi Motivational Interviewing dibina ke atas kaunselor pelatih. Instrumen kajian yang digunakan adalah Counseling Response Questionnaires, Confidence and Knowledge Scale dan Motivational Interviewing Treatment Integrity. Seramai 112 kaunselor pelatih terlibat dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan kesan latihan (respon empati, keyakinan melaksanakan kaunseling dan Kemahiran (Motivational Interviewing) antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Bagaimanapun, strategi latihan ini gagal meningkatkan penguasaan kemahiran subjek kepada tahap kecekapan kecuali bagi kemahiran respon refleksi-kompleks. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan AMI dalam konteks pelbagai budaya serta mengutarakan model latihan strategi AMI di Malaysia.